

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Apakah perbezaan perkataan 'sejak' dan 'semenjak'?

Oleh: Mohammad Syainee b Idi Ahmad,
P6D, Sekolah Rendah Qifa



JAWAPAN

Merujuk pelbagai buku tatabahasa, 'sejak' dan 'semenjak' boleh digunakan secara bergantian., yakni tiada perbezaan di segi penggunaannya.

'Sejak' dan 'semenjak' itu merupakan kata sendi yang bertugas sebagai penanda waktu atau masa.

1. Semenjak / Sejak berpisah, datuk dan saudara kembarnya tidak bertemu lagi.
2. Orang tua itu menginap di rumah kebajikan sejak / semenjak keluar dari hospital.
3. Dia menyewa flat dua bilik itu sejak / semenjak jatuh muflis.
4. Hidupnya tidak ceria lagi sejak / semenjak kematian ibunya.
5. Sejak / semenjak keluar dari penjara, dia tidak bergaul dengan penyangak-penyangak itu.
6. Sejak / semenjak berhijrah ke Australia, saya tidak mendengar khabar beritanya lagi.